

Galak pasaran kredit yang sihat

Kemaskini penggubalan Akta Pengguna Kad Kredit akan disegegerakan

KUALA LUMPUR

Kerajaan akan menyegerakan penggubalan Akta Pengguna Kredit bagi melindungi kepentingan pengguna dan menggalakkan pasaran kredit yang sihat, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, akta berkenaan penting untuk memastikan pengguna kredit menerima layanan yang adil semasa berurusan dengan pemberi kredit.

"Tahun ini, secepat mungkin (bentang di Parlimen)," katanya kepada wartawan selepas melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 di sini semalam.

Terdahulu dalam ucaptamanya, Dr Mahathir ber-

kata, akta berkenaan sedang digubal melalui kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) serta agensi lain yang berkaitan.

Sementara itu, beliau berkata, pelancaran strategi literasi kewangan dilihat sebagai pelengkap kepada akta berkenaan dalam melindungi pengguna kredit di Malaysia.

"Usaha untuk meningkatkan literasi kewangan ini menjadi amat penting dan merupakan pelengkap kepada inisiatif penggubalan Akta Kredit Pengguna bagi mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna kredit di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, keupayaan untuk membuat keputusan kewangan dengan bijak bukan hanya relevan semasa hendak membuat



Dr Mahathir (dua dari kanan) bersama Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (dua dari kiri) menunjukkan buku *Malaysia National Strategy for Financial Literacy 2019-2023* pada majlis di Bank Negara semalam. Turut hadir, Gabenor Bank Negara, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus (kanan) dan Pengurus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Syed Zaid Albar.

pinjaman atau pembelian produk kewangan sahaja.

"Keupayaan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak dalam membeli perlindungan insurans, membuat pelaburan dan mengurus pendapatan, sudah tentu akan membantu rakyat untuk hidup tanpa dibelenggu tekanan kewangan," katanya.

"Hal ini berlaku terutama kepada peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan dan tinggal di kawasan bandar," katanya.

Beliau berkata, meskipun risiko hutang isi rumah yang kini berada pada kadar 82.1 peratus daripada Ke-

luaran Dalam Negara Kasar ke atas kestabilan kewangan domestik terkawal, namun telah wujud tanda-tanda kesukaran dalam kalangan peminjam untuk membayar balik hutang.

"Beliau berkata, meskipun risiko hutang isi rumah yang kini berada pada kadar 82.1 peratus daripada Ke-

peminjam yang menyertai Program Pengurusan Hutang yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

Beliau berkata literasi dan kemahiran kewangan dalam kalangan pengguna juga mampu menyumbang kepada mewujudkan industri kewangan yang maju, kukuh dan mesra pengguna.

"Literasi dan kemahiran kewangan merupakan first line defence atau per-

tahanan barisan pertama bagi pengguna melindungi hak masing-masing ketika berhadapan dengan amalan pasaran yang kurang adil," katanya.

Strategi literasi kewangan berkenaan dirumuskan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (FENetwork) iaitu satu kumpulan yang terdiri daripada beberapa agensi yang diterajui oleh BNM dan SC.

Kumpulan berkenaan turut dianggotai oleh Kementerian Pendidikan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Permodalan Nasional Bhd.

Strategi berkenaan menetapkan keutamaan dan pelan tindakan untuk menyediakan rakyat Malaysia dengan pengetahuan supaya mampu membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan mempunyai sikap yang berhemat dalam pengurusan kewangan. - Bernama

HARI : TARikh : M/SURAH : RABU : 24/7/2019 : 3